

MPK pada Julai lalu memaklumkan, kerja baik pulih eskalator dan penyelenggaraan kemudahan asas lain di terminal berkenaan memerlukan peruntukan tambahan RM300,000.

Dalam pada itu, Abdul Rahim meminta pengguna terminal berkenaan lebih peka dan prihatin menjaga kemudahan disediakan bagi mengelak masalah kerosakan berulang hingga menyusahkan urusan orang ramai di situ.

“Pengguna perlu ubah mentaliti mereka dan bersama menjaga kemudahan disediakan... tidak ada gunanya kalau kita baiki kerosakan dan kemudahan seperti tandas awam dan eskalator kembali rosak atau bermasalah dan akhirnya mereka (pengguna) salahkan kita (MPK) lagi.

“Begitu juga isu sampah di sekitar terminal, semua pihak kena ada rasa tanggungjawab... takkan semua benda nak diletakkan di bahu MPK... ini (TSK) adalah antara pintu masuk utama ke Pahang, malulah kalau kita tidak sama-sama jaga (kebersihan) dan akhirnya memberi imej kurang baik kepada negeri ini,” katanya.